



PENINGKATAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT DI LANDSKAP RANGKAIAN EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE (CFS) LEMBAH TANUM, LIPIS, PAHANG MELALUI AKTIVITI EKOPELANCONGAN DI BAWAH INISIATIF PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI CFS (PIRECFS)

*Ahmad Fadzil, A.M¹, Aldrich, R.¹, Rusli, T¹, Syed Mohd Adzha, S.K¹, Mohd Fauzan, M.¹,
Dionysia, M.¹, Affeefah Amanee C.A², Muhammad Syafuan*

*E-mel: fadzil@forestry.gov.my, aldrich@forestry.gov.my, rusli@forestry.gov.my,
syed_adzha@forestry.gov.my, fauzanmisron@forestry.gov.my,
dionysia@forestry.gov.my, affeefah@forestry.gov.my, syafuan@myforestfund.com.my*

ABSTRACT

Pembangunan sosioekonomi yang pesat di Semenanjung Malaysia melibatkan pembukaan dan penukaran kawasan berhutan kepada guna tanah lain menyebabkan fragmentasi hutan. Satu daripada kawasan yang dikenal pasti mengalami fragmentasi ialah landskap kawasan yang terletak di antara Banjaran Titiwangsa dan *Greater* Taman Negara. Dua kompleks hutan ini telah terpisah akibat pembangunan tanah dan juga pembinaan linear lebuhraya *Central Spine Road* (CSR), Jalan Persekutuan dan juga landasan kereta api dari Kuala Lipis, Pahang ke Gua Musang, Kelantan. PIRECFS telah mengenal pasti satu rangkaian ekologi *Central Forest Spine* (CFS) di antara dua kompleks hutan ini perlu diwujudkan bagi membantu pergerakan hidupan liar terutamanya harimau, gajah, dan hidupan liar lain bagi mengurangkan isu *roadkill* dan konflik manusia-hidupan liar. Rangkaian ekologi CFS tersebut dikenali C-PL1: Hutan Simpan Tanum– Hutan Simpan Sungai Yu. Rangkaian ekologi ini terletak di Lembah Tanum, Lipis, Pahang dan status tanah dalam rangkaian ekologi ini terdiri daripada Taman Negara, hutan simpanan kekal (HSK), Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik. Dalam landskap rangkaian ekologi ini mempunyai sumber semula jadi seperti hutan, rangkaian gua batu kapur dan sungai yang boleh menjadi tarikan khususnya kepada aktiviti eko pelancongan. Terdapat lapan (8) perkampungan tradisional Melayu, dua (2) perkampungan Orang Asli, satu (1) skim Felda dan satu (1) Felcra. Pelaksanaan inisiatif PIRECFS melibatkan pemuliharaan dan perlindungan hidupan liar, pemulihan habitat dan pembangunan sosioekonomi memerlukan kerjasama masyarakat setempat. Namun, selama ini masyarakat setempat di kawasan landskap rangkaian ekologi ini tidak dilibatkan dalam pelaksanaan inisiatif PIRECFS dan belum terdedah terhadap potensi sumber semulajadi yang terdapat di landskap ini. Sehubungan itu, di bawah Projek IC-CFS telah membangunkan program ekopelancongan berasaskan komuniti di landskap rangkaian ekologi CFS ini. Poster ini menerangkan bagaimana projek ini telah berjaya membangunkan sosioekonomi masyarakat setempat melalui Program Pembangunan Modul dan Latihan *Training of Trainers* (ToT) Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) Ekopelancongan dan seterusnya masyarakat yang terlibat telah berupaya untuk meneruskan 'Produk Ekopelancongan Lembah Tanum' secara berdiri sendiri.

Kata kunci: Pembangunan sosioekonomi, fragmentasi hutan, Banjaran Titiwangsa, *Greater* Taman Negara, kompleks hutan, *Central Spine Road* (CSR), PIRECFS, rangkaian ekologi CFS, pergerakan hidupan liar, *roadkill*, konflik manusia-hidupan liar, Lembah Tanum, sumber semula jadi, CEPA, 'Produk Ekopelancongan Lembah Tanum'